

20/8
UM-13

JON kawal tumpahan minyak di perairan Johor

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengaktifkan Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) bagi mengawal tumpahan minyak yang berlaku akibat pelanggaran antara kapal kargo Sinica Graeca dengan kapal tangki Chemroad Mega di Timur Laut Tompok Utara, perairan Johor kelmarin.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kenyataan memaklumkan, pelanggaran yang berlaku pada pukul 8.20 malam itu menyebabkan kira-kira 270 tan minyak enjin dari kapal Sinica Graeca tumpah ke dalam laut.

"Susulan itu, Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKK-KTM) telah mengambil langkah untuk mengawal tumpahan yang berlaku.

"Peneraju RKKKTM seperti JAS, Jabatan Laut dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah berada di lokasi kejadian untuk melakukan siasatan serta pemantauan lanjut," kata kenyataan itu di sini.